PP

lwn.

MARGARET CHARLES

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
MOHD ZAKI WAHAB PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45A-71-11-2012]
23 SEPTEMBER 2014

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Kes prima facie - Sama ada terbukti - Tertuduh didapati mengambil beg yang mengandungi dadah berbahaya selepas beg itu melalui mesin pengimbas di kawasan kastam - Pembelaan bahawa beg milik seorang lelaki berbangsa Afrika - Sama ada pembelaan adalah fikiran semula - Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan keterangan CCTV - Sama ada ketiadaan CCTV membuatkan inferens memihak kepada pembelaan - Sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan - Sama ada tertuduh terbukti mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg - Anggapan statutori bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Sama ada terpakai - Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kesemua intipati pertuduhan*

KETERANGAN: *Anggapan bertentangan - Rakaman CCTV - Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan keterangan CCTV - Dakwaan pengedaran dadah - Tertuduh didapati mengambil beg yang mengandungi dadah berbahaya selepas beg itu melalui mesin pengimbas di kawasan kastam - Pembelaan bahawa beg milik seorang lelaki berbangsa Afrika - Ketiadaan keterangan CCTV untuk menyokong atau menafikan dakwaan pembelaan - Sama ada membuatkan inferens memihak kepada pembelaan - Manifes penumpang bas yang dinaiki tertuduh terdapat penumpang berbangsa Afrika - Sama ada pembelaan berjaya menimbulkan kemungkinan orang berbangsa Afrika wujud - Sama ada tertuduh terbukti mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg - Anggapan statutori bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Sama ada terpakai - Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kesemua intipati pertuduhan*

Tertuduh telah dituduh mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 2902.3g, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Pada 29 Mei 2012, tertuduh telah ditahan oleh Pegawai Kastam ('SP2') yang bertugas menjaga

A mesin pengimbas beg dan barang-barang. SP2 mendapati beg P20 yang diimbas menunjukkan imej yang meragukan. SP2 tidak melihat siapa yang meletakkan beg tersebut ke dalam mesin pengimbas tetapi telah melihat tertuduh mengambil beg tersebut setelah diimbas. SP2 kemudian menyuruh tertuduh mengosongkan
B kandungan beg tersebut dan di bahagian sisi kiri beg tersebut dijumpai satu bungkusan berwarna gelap yang disyaki mengandungi dadah berbahaya. Tertuduh dan beg P20 beserta kandungannya telah dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan untuk pemeriksaan lanjut. Hasil pemeriksaan lanjut, ahli kimia telah mengesahkan
C bahan-bahan tersebut sebagai dadah berbahaya jenis Methamphetamine. Adalah hujahan pihak pendakwa bahawa mereka telah berjaya membuktikan kes *prima facie* berasaskan keterangan-keterangan yang telah dikemukakan. Dalam pembelaannya, tertuduh menyatakan bahawa beg P20 tersebut
D sebenarnya telah diletakkan ke atas tali sawat mesin pengimbas oleh seorang lelaki berbangsa Afrika yang dikenalinya sebagai Kingsley. Secara materialnya, pembelaan tertuduh cuba menunjukkan bahawa tertuduh sebenarnya bukan sahaja tidak mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg tersebut malah tidak
E tahu apa kandungan di dalam beg tersebut. Isu-isu yang timbul adalah (i) sama ada keterangan pihak pendakwaan adalah kredibel dan telah membuktikan kesemua intipati pertuduhan dan (ii) adakah pembelaan tertuduh merupakan satu yang difikirkan kemudian atau sengaja diada-adakan.

F

Diputuskan (melepaskan dan membebaskan tertuduh):

(1) Pembelaan yang dikemukakan ini bukan pembelaan yang bersifat fikiran semula kerana semasa kes pendakwaan, pembelaan ini telah ditimbulkan melalui pemeriksaan balas ke
G atas saksi-saksi pendakwaan. Tertuduh telah meletakkan cadangan pembelaan bahawa beg tersebut bukan kepunyaan tertuduh dan tertuduh tidak mengetahui tentang dadah berbahaya Methamphetamine yang terdapat di dalam beg tersebut dengan mengatakan terdapat seorang lain yang terlibat
H di dalam kes ini iaitu seorang lelaki berbangsa Afrika bernama Kingsley. Jelasnya kewujudan Kingsley dan peranannya telah ditimbulkan. Pembelaan tertuduh berkaitan Kingsley ini tidak boleh dikatakan sebagai pembelaan fikiran semula dan tidak
I sepatutnya ditolak begitu sahaja. (perenggan 37)

(2) Saksi-saksi pendakwa mengakui terdapat CCTV pada kawasan mesin pengimbas tersebut dan video atau imej dari CCTV tersebut mungkin boleh membuktikan sama ada Kingsley wujud atau tidak. Pegawai Penyiasat SP5 tidak mengemukakan apa-apa keterangan sama sekali tentang CCTV ini, sama ada video dari CCTV tersebut wujud dan dia telah cuba mendapatkannya dari pihak yang mengawal CCTV tersebut. Tiada imej atau video dari rakaman CCTV telah dikemukakan dan tiada apa-apa keterangan tentang kegagalannya. Dengan ketiadaan CCTV yang boleh menyokong atau menafikan dakwaan pembelaan, inferens yang memihak kepada pembelaan boleh dibuat iaitu CCTV ini boleh didapatkan dan boleh menunjukkan Kingsley tersebut wujud dan telah meletakkan beg P20 tersebut ke atas tali sawat mesin pengimbas tersebut untuk diimbas. Berdasarkan manifes penumpang bas yang dinaiki tertuduh, terdapat penumpang berbangsa Afrika. Dengan mempertimbangkan dua perkara ini, pembelaan tertuduh sebenarnya telah menimbulkan kemungkinan Kingsley tersebut wujud dan ada bersama tertuduh semasa melalui mesin pengimbas dan Kingsley tersebut telah meletakkan beg P20 di dalam mesin pengimbas dan tertuduh kemudian mengambil beg tersebut. (perenggan 41-43)

(3) Semasa pemeriksaan balas ke atas saksi-saksi pendakwaan, fakta telah dibuktikan bahawa terdapat kunci mangga disangkut pada beg P20 semasa beg ini dikemukakan di dalam mahkamah. SP2 juga mengakui mangga yang tersangkut pada beg P20 tersebut telah dijumpai kemudian di sekitar kawasan mesin pengimbas tersebut. Berdasarkan keterangan ini, terdapat keraguan tentang keadaan beg tersebut sama ada berkunci atau sebaliknya dan di mana sebenarnya dijumpai kunci yang telah diletakkan pada beg P20. Keadaan sama ada beg tersebut berkunci atau tidak dan sama ada kunci beg tersebut dibuka oleh tertuduh atau tidak semasa diminta oleh SP2 boleh menentukan sama ada tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg tersebut. Berdasarkan wujudnya keraguan tentang perkara ini, faedah dari keraguan tersebut perlu diberikan kepada tertuduh. (perenggan 46)

(4) Pembelaan tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan bahawa beg P20 tersebut sebenarnya berada dalam kawalan dan jagaan tertuduh. Pembelaan yang ditimbulkan telah menimbulkan kemungkinan beg P20 itu sebenarnya di dalam kawalan dan jagaan Kingsley.

A Anggapan statutori di bawah s. 37(d) mengenai pemilikan dan pengetahuan tertuduh terhadap dadah berbahaya yang terdapat dalam beg P20 tersebut tidak boleh dipakai kerana pihak pendakwa telah gagal membuktikan fakta yang menjadi syarat sebelum anggapan sebegini dipakai iaitu beg P20 yang
B mengandungi dadah berbahaya tersebut berada dalam kawalan dan jagaan tertuduh. Adalah menjadi tugas pihak pendakwa untuk membuktikan beg P20 yang mengandungi dadah berbahaya tersebut berada dalam kawalan dan jagaan tertuduh sebelum anggapan tersebut boleh dipakai. Perkara ini mestilah
C dibuktikan oleh pihak pendakwa sepanjang masa perbicaraan. (perenggan 47)

(5) Pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan keterangan langsung yang membuktikan bahawa tertuduh mempunyai
D milikan dan pengetahuan terhadap dadah bahaya tersebut secara fizikal melampaui keraguan munasabah. Jikapun keterangan bahawa tertuduh telah mengambil beg tersebut selepas diimbas boleh diterima, keterangan ini tidak mencukupi untuk mengatakan tertuduh sebenarnya sedang membawa
E dadah berbahaya yang berada dalam beg tersebut. Oleh itu, pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan kesemua intipati pertuduhan terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah kerana terdapat keraguan sama ada beg tersebut sebenarnya berada dalam kawalan tertuduh dan juga tertuduh tahu
F tentang dadah berbahaya yang terdapat dalam beg tersebut. (perenggan 52)

Kes-kes yang dirujuk:

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***

Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 HC ***(dirujuk)***

G *Choo Yoke Choy v. PP [1992] 4 CLJ 1791; [1992] 1 CLJ (Rep) 43 SC* ***(dirujuk)***

Lee Kwan Woh v. PP [2009] 5 CLJ 631 FC ***(dirujuk)***

Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***

H *Nolose Albert Raleshome v. PP [2014] 2 CLJ 903 CA* ***(dirujuk)***

PP lwn. Puvaneaswaran Kaniapan [2003] 4 CLJ 609 HC ***(dirujuk)***

PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No. 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***

PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***

PP v. Sam Kim Kai [1960] 1 LNS 99 HC ***(dirujuk)***

PP v. Yuvaraj [1968] 1 LNS 116 PC ***(dirujuk)***

I *Tan Kim Ho & Anor v. PP [2009] 3 CLJ 236 FC* ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 180(1), 376(1)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), 39B(1)(a), (2)
Evidence Act 1950, s. 114(g)

Bagi pihak pendakwaan - Mohd Khairuddin Idris; TPR
Bagi pihak pembelaan - Naran Singh; T/n Naran Singh & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Mohd Zaki Wahab PK:

[1] Tertuduh telah dituduh dengan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Pertuduhan tersebut berbunyi:

> Bahawa kamu pada 29 May 2012, lebih kurang jam 12.10 tengahari, di Unit Bas/Pejalan Kaki, Lorong Pemeriksaan Bas, Kompleks Imigresen, Bukit Kayu Hitam, di dalam Daerah Kubang Pasu, di dalam Negeri Kedah Darul Aman, telah mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 2702.3 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Secara ringkasnya keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa semasa kes pendakwaan adalah seperti berikut. Pada 29 Mei 2012 jam lebih kurang 11.55 tengah hari tertuduh telah ditahan oleh pegawai kastam (PiK) Wan Hassanaliza ("SP2"), pegawai kastam yang bertugas menjaga mesin pengimbas bagi mengimbas beg dan barang-barang yang dibawa oleh pejalan kaki yang hendak masuk ke Malaysia di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Bukit Kayu Hitam. SP2 mendapati beg P20 yang diimbas menunjukkan imej yang meragukan. Beg P20 itu sebenarnya telah diletakkan ke dalam mesin pengimbas bagi diimbas. SP2 tidak melihat siapa yang meletakkan beg tersebut ke dalam mesin pengimbas tetapi melihat tertuduh mengambil beg tersebut setelah diimbas. SP2 kemudian menyuruh tertuduh membuka P20 di kaunter pemeriksaan untuk beliau periksa. P20 kemudian dibuka oleh tertuduh dan terdapat pakaian di dalamnya. SP2 kemudian meraba-raba bahagian dalam beg tersebut dan tetapi tidak merasai sesuatu yang meragukan. Kemudian SP2 mengangkat beg tersebut dan mendapati beg tersebut terasa berat dan tidak berpadanan

dengan kandungan di dalamnya yang berupa pakaian. SP2 seterusnya merujuk perkara tersebut kepada rakan setugas beliau, PiKK Othman.

[3] SP2 kemudian menyuruh tertuduh mengosongkan kandungan beg tersebut dan seterusnya mengimbas beg tersebut sekali lagi. Dari imbasan kali kedua ini SP2 melihat ada objek yang meragukan di dalam beg tersebut. Perkara ini kemudiannya dirujuk kepada PiK Hussin bin Ahmad ("SP3"). SP3 kemudian menghubungi bahagian penguatkuasaan tentang perkara tersebut.

[4] Pegawai dari bahagian penguatkuasaan, PPK Jasri Othman ("SP4") kemudian tiba di situ pada jam lebih kurang 12 tengah hari. SP4 menguji berat beg tersebut dengan mengeluarkan kesemua kandungannya dan mengangkat beg tersebut, dan beliau dapati beg tersebut berat. SP4 kemudian membuka dan meneliti keadaan bahagian dalam beg tersebut dan mendapati pada bahagian sisi beg tersebut menggelembung sedikit. SP4 kemudian menekan bahagian bawah P20 dan mendapati bahagian tersebut keras. SP4 kemudian meminta SP3 membuka skru tangkai dan dinding P20. Setelah skru-skru dibuka, SP4 menanggalkan kepingan plywood pada bahagian dasar beg tersebut dan seterusnya menarik keluar satu bungkusan berwarna gelap ("P13"). Selanjutnya SP4 juga menjumpai satu bungkusan berwarna gelap ("P14") pada bahagian sisi sebelah kanan beg tersebut. Di bahagian sisi kiri beg tersebut juga dijumpai satu bungkusan berwarna gelap ("P15"). SP4 mengesyaki kandungan P13, P14 dan P15 sebagai dadah berbahaya jenis methamphetamine.

[5] SP4 kemudian menahan tertuduh dan selanjutnya membawa tertuduh dan beg P20 beserta kandungannya ke pejabat bahagian penguatkuasaan untuk pemeriksaan lanjut. Hasil dari pemeriksaan lanjut tersebut SP4 telah merampas beg dan kandungan yang dijumpai dan selepas itu membuat tandaan ke atas beg, kandungan beg dan barang-barang yang dibawa oleh tertuduh. SP4 selanjutnya telah menyerahkan tertuduh dan barang-barang yang dirampas kepada PKPK Marzuki bin Ahmad ("SP5") yang bertindak sebagai pegawai penyiasat. SP5 telah menghantar P13, P14 dan P15 tersebut ke Jabatan Kimia dan ahli kimia Puan Marhayani Md Saad ("SP1") telah menjalankan analisis kimia ke atas kandungan P13, P14 dan P15. SP1 telah mengesahkan bahan-bahan tersebut sebagai dadah berbahaya methamphetamine seberat 2702.3g.

[6] Pada akhir kes pendakwaan, pihak pendakwa telah berhujah mereka telah berjaya membuktikan kes *prima facie* berasaskan keterangan-keterangan di atas. Sebaliknya pembelaan berhujah keterangan tersebut telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh.

[7] Pada akhir kes pendakwaan pihak pendakwa perlu membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh (s. 180(1) Kanun Tatacara Jenayah). Satu kes *prima facie* dapat dibuktikan oleh pihak pendakwa dengan mengemukakan keterangan-keterangan yang "credible" (boleh dipercayai) dan keterangan-keterangan tersebut telah membuktikan kesemua intipati pertuduhan. Keterangan yang "credible" telah diterangkan dalam kes *Nolose Albert Raleshome v. PP* [2014] 2 CLJ 903; [2014] 2 MLJ 301. Mahkamah Rayuan mengatakan keterangan yang credible adalah:

> [12] On the facts of the present case, we find there is much force in Mr Karpal Singh's argument. Now, in accordance with the provisions of s. 180(1) and (4) of the Criminal Procedure Code ('CPC'), it is the duty of trial court to undertake a maximum evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether each and essential ingredients of the offence has been established, in order to make a finding whether or not the prosecution has made out a *prima facie* case against the accused (see: *Lim Pah Soon v. PP* [2013] 6 MLJ 252). Credible evidence is evidence which has been filtered and which has gone through the process of evaluation. Any evidence which is not safe to be acted upon should be rejected (see: *PP v. Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678; [1998] 4 CLJ 209 and *PP v. Mok Kar Poh* [2001] 5 CLJ 206).

[8] Di dalam menentukan sama ada keterangan tersebut "credible" atau sebaliknya dan telah membuktikan setiap intipati pertuduhan, mahkamah mestilah memberi pertimbangan maksimum ke atas kesemua keterangan yang dikemukakan pihak pendakwaan (*Lee Kwan Woh v. PP* [2009] 5 CLJ 631; [2009] 5 MLJ 301 dan *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457).

[9] Apa yang perlu dilakukan oleh mahkamah perbicaraan pada akhir kes pendakwaan ialah membuat pertimbangan secara positif ke atas kesemua keterangan pendakwaan bagi menentukan sama ada keterangan-keterangan tersebut boleh atau tidak diterima dan juga boleh atau tidak keterangan tersebut boleh dipercayai kebenarannya. Di dalam *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 Mahkamah Persekutuan telah menegaskan:

A *prima facie* case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.

…

The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand if a *prima facie* case has not been made out it means that there is no material evidence which can be believed in the sense as described earlier. In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established.

[10] Keterangan yang dikemukakan tersebut juga mestilah mencukupi untuk membolehkan tertuduh dipanggil menjawab pertuduhan ke atasnya dan hanya boleh ditangkis dengan keterangan pembelaan. Mahkamah Persekutuan di dalam *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* (*supra*) telah meletakkan panduan tindakan yang perlu dilakukan oleh seorang hakim atau majistret di dalam memutuskan kes *prima facie* iaitu:

(i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is "Yes", then a *prima facie* case has been made out and the defence should be called. If the answer is "No" then, a *prima facie* case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v. Public Prosecutor* [1963] 1 LNS 82; [1963] 1 MLJ 263.

[11] Undang-undang menghendaki saya menimbangkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dengan pertimbangan yang maksimum dengan tujuan menentukan adakah keterangan yang dikemukakan tersebut boleh diterima dan "credible" serta telah membuktikan setiap intipati pertuduhan. Keterangan "credible" yang dikemukakan oleh pihak pendakwa perlu membuktikan intipati pertuduhan terhadap tertuduh. Berdasarkan pertuduhan ke atas tertuduh pihak pendakwa perlu membuktikan intipati penting pertuduhan seperti berikut:

a. Pertama, terdapatnya dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 2702.3 gram.

b. Kedua, tertuduh mempunyai pemilikan ke atas dadah berbahaya tersebut.

c. Ketiga, tertuduh telah melakukan perbuatan mengedar dadah berbahaya tersebut.

[12] Bagi membuktikan intipati-intipati pertuduhan, terutamanya intipati pemilikan dan perbuatan mengedar dadah berbahaya tersebut, pihak pendakwa telah bergantung kepada keterangan SP2, SP3, SP4 dan SP5. Persoalan yang perlu dijawab adalah adakah keterangan mereka "credible" dan telah membuktikan kesemua intipati pertuduhan. Keterangan saksi-saksi pendakwaan SP2, SP3, SP4 dan SP5 telah diperiksa balas oleh peguambela tertuduh yang terpelajar. Melalui pemeriksaan balas ini peguambela tertuduh telah meletakkan cadangan pembelaan bahawa beg tersebut bukan kepunyaan tertuduh dan tertuduh tidak mengetahui tentang dadah berbahaya methamphetamine yang terdapat di dalam beg tersebut. Peguambela terpelajar telah mencadangkan terdapat seorang lain yang terlibat di dalam kes ini iaitu seorang Afrika dan di dalam keadaan tertuduh tidak tahu tentang dadah berbahaya terdapat di dalam beg tersebut, peguambela berhujah tertuduh tidak mempunyai pemilikan ke atas dadah berbahaya itu.

[13] Pihak pendakwa juga bergantung kepada keterangan SP1 bagi membuktikan barang yang dirampas dari tertuduh adalah dadah berbahaya jenis methamphetamine.

[14] Setelah mempertimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan dengan pertimbangan yang maksimum, saya mendapati pihak pendakwa telah berjaya membuktikan ketiga-tiga

intipati pertuduhan di atas dan dengan yang demikian satu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pihak pendakwa terhadap tertuduh bagi kesalahan yang dikenakan.

[15] Saya akan bincangkan dapatan pada akhir kes pendakwaan bagi setiap intipati pertuduhan. Bagi intipati pertuduhan bahawa terdapat dadah berbahaya yang dirampas dari tertuduh, pihak pendakwa telah bergantung kepada keterangan SP1, ahli kimia. SP1 telah menjalankan analisis ke atas tiga bungkusan (P13, P14 dan P15) setelah bungkusan-bungkusan tersebut diterima dari SP5. SP1 telah mengesahkan bahan-bahan yang terdapat di dalam ketiga-tiga bungkusan tersebut mengandungi dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 2702.3g. Keterangan ahli kimia telah diperiksa balas oleh peguam bela dengan mencadangkan bahawa methamphetamine juga disenaraikan di bawah Akta Racun 1952 (Disemak 1989) dan SP1 patut menyebutnya di dalam laporan kimia yang beliau sediakan setelah menjalankan analisis kimia (P4) kerana jika ini dilakukan Pendakwa Raya boleh memilih sama ada untuk membawa tuduhan terhadap tertuduh di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 atau Akta Racun 1952. SP1 telah mengakui dadah jenis methamphetamine juga disenaraikan di dalam Akta Racun 1952 dan beliau tidak menyenaraikan perkara ini di dalam laporan kimia.

[16] Saya telah pertimbangkan perkara ini. Kuasa memulakan pendakwaan terhadap mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis adalah kuasa budi bicara Pendakwa Raya dan Pendakwa Raya boleh memutuskan pilihannya tanpa dipengaruhi pendapat mana-mana orang; berdasarkan peruntukan s. 376(1) Kanun Tatacara Jenayah. Di dalam kes ini, pendapat SP1 setelah menjalankan analisis kimia hanya menjadi panduan kepada Pendakwa Raya dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawabnya. Adalah menjadi penghakiman saya, tidak ada keperluan untuk SP1 menyebut methamphetamine juga disenaraikan dalam Akta Racun 1952 semata-mata untuk membolehkan Pendakwa Raya mempunyai pilihan untuk merangka tuduhan ke atas tertuduh, sama ada di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 atau di bawah Akta Racun 1952. Kegagalan SP1 menyebut di dalam P4 bahawa methamphetamine juga disenaraikan di bawah Akta Racun 1952 tidaklah memudaratkan kerana pertuduhan ke atas tertuduh dibuat di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan analisis ini telah dijalankan secara sah bagi maksud pertuduhan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

[17] Saya juga dapati tidak terdapat pemutusan rantaian keterangan tentang pengendalian barang-barang kes tersebut. Berdasarkan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan, SP4 yang menjumpai bungkusan-bungkusan tersebut telah menyerahkan barang-barang kes tersebut kepada SP5 yang kemudian menghantarnya ke Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Alor Setar setelah memasukkan P13, P14 dan P15 ke dalam satu bungkusan bertanda M1 ("P12"). SP1 telah menerima bungkusan P12 yang mengandungi bungkusan-bungkusan P13, P14 dan P15 dari SP5 untuk dijalankan analisis kimia. SP1 kemudian menjalankan analisis ke atas kandungan bungkusan P13, P14 dan P15 dan mengesahkan kandungan tersebut mengandungi dadah methamphetamine seberat 2702.3g. Kesemua saksi-saksi ini telah mengenal pasti barang-barang kes ini secara positif dan jelas melalui tanda-tanda yang mereka buat pada barang-barang kes tersebut.

[18] Bagi intipati kedua dan ketiga pihak pendakwa perlu membuktikan tertuduh mempunyai pemilikan terhadap dadah berbahaya methamphetamine tersebut dan kemudian melakukan perbuatan untuk mengedar dadah tersebut. Pihak pendakwa perlu membuktikan pemilikan terlebih dahulu sebelum membuktikan perbuatan mengedar dadah berbahaya tersebut. Dalam *Choo Yoke Choy v. PP* [1992] 4 CLJ 1791; [1992] 1 CLJ (Rep) 43; [1992] 2 MLJ 632, Anuar J telah membuat penegasan berikut:

> In order to found a conviction, the prosecution must establish not only that the appellant had knowledge of the existence of the drugs but that he also had exclusive custody or control of them. Appellant in this case the was charged for an offence under section 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952. The element of possession must be proved before reliance on the presumption can be invoked.

[19] Di dalam *PP lwn. Puvaneaswaran Kaniapan* [2003] 4 CLJ 609, Augustine Paul J (beliau pada masa itu) pada ms. 623 telah menegaskan perkara yag sama:

> Pihak pendakwaan terlebih dahulu perlu membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pemilikan ke atas dadah tersebut sebelum isu pengedaran berkenaan bahan yang sama boleh dibangkitkan untuk pertimbangan. Pembuktian kedua-dua isu ini boleh dibuat menerusi keterangan langsung ataupun melalui anggapan yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut.

[20] Bagi membuktikan intipati pemilikan dadah berbahaya ini pihak pendakwa perlu membuktikan dua perkara penting iaitu kawalan dan jagaan ke atas dadah berbahaya tersebut dan juga

pengetahuan tertuduh tentang dadah berbahaya tersebut. Ini telah dijelaskan dalam kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17; [1956] 1 MLJ 237. Dalam kes tersebut Thomson J memutuskan:

> "Possession" itself as regards the criminal law is described as follows in *Stephen's Digest* (9th Edition, page 304):
>
> > A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.
>
> To put it otherwise, there is a physical element and a mental element which must both be present before possession is made out. The accused must not only be so situated that he can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on a table. It must also be shewn that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, in other words, that he had some *animus possidendi*. Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances. Whether these surrounding circumstances make out such intention is a question of fact in each individual case.

[21] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa menunjukkan dadah berbahaya tersebut yang terkandung di dalam bungkusan P13, P14 dan P15 telah dijumpai di dalam beg P20, tersorok di beberapa bahagian beg tersebut. Tidaklah dinafikan bungkusan-bungkusan tersebut telah disorok dan tidak boleh dilihat secara mata kasar. SP2 dan SP4 telah memberi keterangan tentang keadaan berat beg tersebut yang mereka dapati lebih dari sepatutnya. Keterangan ini sebenarnya tidak dicabar oleh peguam bela tertuduh. Dengan keadaan berat beg yang sedemikian, seorang yang munasabah mempunyai sebab untuk mencurigai kandungan beg tersebut. SP2 juga memberi keterangan tentang perbuatan tertuduh mengambil beg tersebut setelah diimbas di dalam mesin pengimbas dan selanjutnya telah membuka beg tersebut untuk membolehkan SP2 memeriksa kandungan beg tersebut setelah disuruh oleh SP2.

[22] Secara keseluruhannya keterangan SP2, SP3 dan SP4 menyentuh tentang bagaimana bungkusan-bungkusan mengandungi dadah berbahaya di dalam beg P20 dijumpai. Keterangan ini telah dicabar oleh peguam bela tertuduh melalui pemeriksaan balas dengan mencadangkan bahawa terdapat seorang warga Afrika

bernama Kingsley, yang ada bersama tertuduh pada masa beg tersebut diimbas dan warga Afrika tersebut telah meletakkan beg P20 ke dalam mesin pengimbas sebelum diambil oleh tertuduh setelah diimbas. Peguam bela telah juga mencadangkan bahawa perkara ini boleh dipastikan melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV). Kesemua saksi mengakui terdapat kamera litar tertutup dipasang di kawasan pemeriksaan kastam dan imigresen yang boleh menunjukkan siapa yang meletakkan beg tersebut. Pegawai penyiasat SP5, bagaimana pun tidak mengambil apa-apa tindakan untuk mendapatkan salinan rakaman kamera litar tertutup tersebut.

[23] Saya telah pertimbangkan keterangan-keterangan ini, termasuk pemeriksaan balas dan fakta rakaman kamera litar tertutup tidak dikemukakan. Tidak dapat dinafikan jika rakaman atau gambar dari CCTV ini dikemukakan kemungkinan saya akan dapat melihat dengan pasti sama ada terdapat atau tidak warga Afrika seperti yang dikatakan.

[24] Pada tahap ini kehadiran warga Afrika itu timbul melalui cadangan peguam bela kepada saksi-saksi pendakwaan dan cadangan ini dinafikan. Mahkamah ini tidak dapat mengatakan dengan pasti sama ada rakaman tersebut telah dilakukan atau sebaliknya. Bagaimana pun adalah menjadi peraturan umum bahawa apa-apa yang dicadangkan oleh peguam bela semasa pemeriksaan balas ke atas saksi-saksi pendakwaan dan cadangan ini telah dinafikan, cadangan tersebut bukanlah fakta yang dibuktikan (*PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No. 3)* [1999] 2 CLJ 215; [1999] 2 MLJ 1). Cadangan yang dikemukakan tersebut hanya merupakan satu pembelaan yang dicadangkan dan perkara ini dibuat untuk mengelak dari dikatakan kemudiannya sebagai pembelaan yang sengaja diada-adakan dan difikirkan kemudian dan ditimbulkan setelah pembelaan dipanggil.

[25] Dengan memberi pertimbangan ke atas kesemua keterangan tersebut serta pemeriksaan balas ke atas saksi-saksi pihak pendakwaan, saya dapati pihak pendakwa telah membuktikan beg P20 tersebut berada di dalam kawalan dan jagaan tertuduh dan ketiadaan salinan rakaman CCTV tidak menimbulkan keraguan ke atas keterangan yang dikemukakan. Saya dapati keterangan SP2 boleh diterima dan boleh dipercayai dan keterangan SP2 ini menunjukkan beg P20 tersebut berada di dalam kawalan dan jagaan tertuduh. Tertuduh tidak menafikan beg tersebut sebagai beg beliau sehinggalah SP4 menjumpai tiga bungkusan tersebut dan pada masa itu sahaja tertuduh mengatakan dia tidak tahu

tentang bungkusan tersebut. Kegagalan mengemukakan rakaman CCTV ini tidak menimbulkan lompang ke atas kes pendakwaan berdasarkan terdapatnya keterangan saksi-saksi lain dan kegagalan ini tidak menimbulkan anggapan yang tidak memihak kepada kes pendakwaan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950.

[26] Keterangan saksi-saksi pendakwa ini bagaimana pun tidak dapat membuktikan secara langsungnya tertuduh mempunyai pemilikan ke atas dadah berbahaya yang terdapat di dalam beg tersebut. Bagaimana pun pihak pendakwa berjaya membuktikan tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg P20 yang mengandungi dadah berbahaya tersebut. Dalam keadaan sedemikian pihak pendakwa boleh bergantung kepada anggapan statutori di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi membuktikan tertuduh mempunyai pemilikan dan pengetahuan ke atas dadah berbahaya tersebut.

[27] Pihak pendakwa selanjutnya kena buktikan tertuduh telah melakukan perbuatan mengedar dadah tersebut. Pada masa ditahan tertuduh sedang dalam perjalanan dari Thailand dan sedang melalui pemeriksaan imigresen dan kastam untuk memasuki Malaysia. Pada masa itu tertuduh sedang membawa beg P20 yang mengandungi dadah berbahaya yang menjadi perkara pertuduhan. Berasaskan keterangan yang dikemukakan saya dapati OKT sedang melakukan perbuatan yang terjumlah kepada perbuatan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Seksyen 2 tersebut memperuntukkan:

> Section 2. Interpretation
>
> …
>
> "trafficking" includes the doing of any of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, keeping, concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drug otherwise than under the authority of this Act or the regulations made under the Act;

[28] Dari keterangan yang dikemukakan pihak pendakwa telah membuktikan pada masa ditahan tertuduh sedang membawa beg yang mengandungi dadah berbahaya tersebut. Saya telah memutuskan dadah berbahaya tersebut berada di dalam pemilikan dan pengetahuan tertuduh berdasarkan pemakaian anggapan statutori dan berasaskan keseluruhan keterangan yang ada pihak pendakwa telah membuktikan tertuduh sedang melakukan perbuatan mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine yang

berada di dalam pemilikannya. Oleh yang demikian saya dapati pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh dan tertuduh hendaklah membela diri terhadap pertuduhan tersebut.

Pembelaan

[29] Tertuduh membuat pembelaan dengan memberi keterangan bersumpah. Secara ringkasnya di dalam keterangan pembelaannya tertuduh mengatakan beg P20 tersebut sebenarnya telah diletakkan ke atas conveyor belt mesin pengimbas oleh seorang Afrika yang beliau kenal sebagai Kingsley. Kingsley adalah kawan beliau. Pada asalanya tertuduh telah berjumpa lelaki ini di Bangkok kemudiannya mereka berkawan. Seterusnya tertuduh telah pergi ke Bangkok untuk berjumpa Kingsley dan selanjutnya telah berjalan bersama-sama lelaki ini dari Bangkok ke Kuala Lumpur. Tertuduh juga mengatakan semasa di Bangkok beg P20 tersebut telah dibawa oleh Kingsley ke hotel tempat tertuduh dan seorang lagi kawannya, Dayang Rubiah menginap. Tertuduh selanjutnya mengatakan dia tidak pernah meletakkan barang-barangnya di dalam beg tersebut.

[30] Secara materialnya pembelaan tertuduh cuba menunjukkan bahawa tertuduh sebenarnya bukan saja tidak mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg tersebut malah tidak tahu apa kandungan di dalam beg tersebut. Secara intipatinya, tertuduh mengatakan dia tidak mempunyai pemilikan ke atas beg P20 dan kandungannya. Di samping itu pembelaan ini juga menunjukkan tertuduh tidak membawa beg tersebut dari Bangkok. Tertuduh hanya mengangkat beg tersebut dari mesin pengimbas setelah beg tersebut diimbas.

[31] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa di dalam keadaan biasa tugas pembelaan hanyalah untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Keraguan sedemikian boleh ditimbulkan ke atas apa-apa juga fakta penting yang dikemukakan oleh pihak pendakwa, terutamanya fakta yang telah membuktikan mana-mana intipati pertuduhan. Di dalam *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 Mohamad Azmi SCJ mengatakan:

> It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case.

> In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more of the essential ingredients of the charge. When that occurs, the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which from the defence point of view is heavier than the burden of casting a reasonable doubt, but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. To earn an acquittal at the close of the case for the prosecution under s. 173(f) or s. 180 of the Criminal Procedure Code, the Court must be satisfied that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction (*Munusamy v. PP* [1936] 1 LNS 32. If defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt.

[32] Bagaimana pun di dalam keadaan di mana terdapat anggapan statutori terpakai terhadap tertuduh, beban ke atas tertuduh semasa pembelaan lebih berat berbanding dengan di dalam keadaan biasa. Pada ketika itu pembelaan tertuduh perlu menyangkal anggapan tersebut di atas imbangan kebarangkalian dan bukan lagi sekadar menimbulkan keraguan yang munasabah di dalam keadaan biasa. Dalam *PP v. Yuvaraj* [1968] 1 LNS 116; [1969] 2 MLJ 89, Lord Diplock semasa menyampaikan keputusan Privy Council mengatakan:

> Generally speaking, no onus lies upon a defendant in criminal proceedings to prove or disprove any fact: it is sufficient for his acquittal if any of the facts which if they existed would constitute the offence with which he is charged are "not proved". But exceptionally, as in the present case, an enactment creating an offence expressly provides that if other facts are proved, a particular fact, the existence of which is a necessary factual ingredient of the offence, shall be presumed or deemed to exist "unless the contrary is proved". In such a case the consequence of finding that that particular fact is "disproved" will be an acquittal, whereas the absence of such a finding will have the consequence of a conviction. Where this is the consequence of a fact's being "disproved" there can be no grounds in public policy for requiring that exceptional degree of certainty as excludes all reasonable doubt that that fact does not exist. In their Lordships' opinion the general rule applies in such a case and it is sufficient if the court considers that upon the evidence before it it is more likely than not that the fact does not exist. The test is the same as that applied in civil proceedings: the balance of probabilities. This was the test which was approved by the Court of Criminal Appeal in *R v. Carr-Briant* [1943] KB 607 a case upon a

> provision in an English statute in similar terms to that contained in section 14 of the Malaysian Prevention of Corruption Act 1961. For the reasons already indicated their Lordships do not think that, at any rate where such a provision is contained in an enactment, the definitions of "proved" and "disproved" contained in the Evidence Ordinance make any difference between Malaysian law and English law in this respect.

[33] Di dalam kes ini semasa kes pendakwaan pihak pendakwa telah membuktikan melalui keterangan secara langsung terhadap dua intipati penting pertuduhan iaitu pertamanya adanya dadah berbahaya jenis methamphetamine dan tidak terdapat pemutusan rantaian keterangan mengenai dadah berbahaya tersebut dan keduanya tertuduh telah melakukan perbuatan mengedar dadah. Di dalam keadaan tersebut pembelaan tertuduh perlu menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas keterangan pihak pendakwa bagi kedua-dua intipati pertuduhan tersebut. Tertuduh mempunyai tanggungan untuk mengemukakan keterangan yang boleh menimbulkan keraguan sedemikian. Dalam *Public Prosecutor v. Sam Kim Kai* [1960] 1 LNS 99; [1960] 1 MLJ 265 telah diputuskan:

> In order to warrant such an acquittal the defence put forward must be a story which leaves the Court - whether it be a trial by a Judge or Magistrate sitting alone, or a trial by jury - in genuine and reasonable doubt as to whether the explanation put forward by the accused that he did not know the property was stolen, may not, in fact, be true. If the Judge - or jury - believes his explanation then, of course, he - or they - must acquit. Similarly, if they disbelieve his story, they must convict.

[34] Di samping itu pihak pendakwa juga telah membuktikan melalui pemakaian anggapan statutori terhadap intipati pertuduhan bahawa dadah berbahaya tersebut berada di dalam pemilikan tertuduh dan tertuduh mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya tersebut. Di dalam keadaan tersebut tertuduh perlu menyangkal anggapan tersebut di atas imbangan kebarangkalian. Bagaimana pun, pemakaian anggapan ini juga melibatkan pembuktian fakta bahawa tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg P20. Pembuktian tentang tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg P20 ini adalah pembuktian secara langsung dan tidak bergantung kepada pemakaian anggapan. Sebaliknya, anggapan hanya terpakai setelah fakta tersebut dibuktikan. Di dalam keadaan tersebut, tertuduh juga berhak untuk mengemukakan pembelaan bahawa terdapat keraguan yang munasabah terhadap fakta bahawa beg P20 yang mengandungi dadah berbahaya tersebut berada di dalam kawalan dan jagaan

tertuduh sehingga menyebabkan anggapan statutori terpakai. Jika fakta ini dapat diragukan secara munasabahnya melalui pembelaan tertuduh, maka anggapan statutori di bawah s. 37(d) tidak boleh dikenakan ke atas tertuduh kerana asas untuk pemakaian anggapan tersebut tidak wujud.

[35] Pihak pembelaan perlu mengemukakan pembelaan yang boleh dipercayai oleh mahkamah bagi menyangkal kedua-dua intipati tersebut. Ini boleh dilakukan melalui pengemukaan keterangan yang boleh dipercayai. Di dalam *Tan Kim Ho & Anor v. PP* [2009] 3 CLJ 236; [2009] 3 MLJ 151 Zaki Azmi KHN mengatakan:

> [33] In our adversarial system of justice, the duty of each party is to show that his case is the truth. This is done by him adducing his own witnesses to support his contention. When it is the plaintiff or prosecutor who is adducing the evidence, his witnesses are subject to cross-examination by the defence or the accused person. When a prosecution witness makes a statement of fact which is disagreed to by the defence it becomes the defence's duty to, in whatever way, put to the plaintiff or prosecution witness that what the witness has said is not true. In addition, he could also use the plaintiff's or prosecution's witnesses to adduce evidence to support his defence and to indicate what his defence is. This he is required to do to enable the plaintiff or prosecution to bring out evidence to disprove what the defence intends to adduce. If the defence does not in any way indicate by cross-examination of those facts, those statements made by the plaintiff's or prosecution's witnesses must be accepted as true. Even if the plaintiff's or prosecution's witness does not say anything relating to the defence case, it is still the duty of the defence to bring out his case during the plaintiff's or prosecution's case. In fact this duty to disclose his defence during the prosecution's case is more relevant in criminal cases than in civil. This is particularly so when the plaintiff or prosecution's witness is relevant to the fact in issue. In criminal cases, the prosecution does not know what the defence is going to be, except in alibi, until the defence adduces its evidence.

[36] Penilaian saya ke atas keterangan pembelaan mestilah memberi jawapan kepada persoalan bolehkah pembelaan tertuduh ini diterima dan dipercayai dan adakah pembelaan ini telah memenuhi tujuan pembelaan tersebut ditimbulkan? Di samping itu saya juga perlu menimbangkan isu adakah pembelaan tertuduh merupakan satu yang difikirkan kemudian atau sengaja diada-adakan seperti hujahan pihak pendakwaan.

[37] Setelah membuat penilaian ke atas keterangan pembelaan saya dapati pembelaan yang dikemukakan ini bukan pembelaan yang bersifat "afterthought" kerana semasa kes pendakwaan, pembelaan ini telah ditimbulkan melalui pemeriksaan balas ke atas saksi-saksi pendakwaan SP2, SP3, SP4 dan SP5. Semasa pemeriksaan balas ini peguam bela tertuduh telah meletakkan cadangan pembelaan bahawa beg tersebut bukan kepunyaan tertuduh dan tertuduh tidak mengetahui tentang dadah berbahaya methamphetamine yang terdapat di dalam beg tersebut dengan mengatakan terdapat seorang lain yang terlibat di dalam kes ini iaitu seorang Afrika yang bernama Kingsley. Jelasnya kewujudan Kingsley dan peranannya telah ditimbulkan oleh pembelaan pada peringkat kes pendakwaan. Di dalam keadaan tersebut pembelaan tertuduh berkait dengan Kingsley ini tidak boleh dikatakan sebagai pembelaan difikirkan kemudian (afterthought) dan tidak sepatutnya ditolak begitu sahaja.

[38] Sekarang saya pertimbangkan pembelaan tertuduh. Saya dapati di dalam pembelaannya tertuduh sama sekali tidak mengemukakan apa-apa pembelaan terhadap intipati pertuduhan bahawa terdapat dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 2702.3g. Oleh itu tidak ada apa-apa keraguan yang munasabah telah ditimbulkan terhadap intipati ini.

[39] Mengenai pembelaan terhadap dua intipati penting yang lain saya telah mempertimbangkan pembelaan tertuduh secara terperinci bagi menentukan adakah pembelaan ini telah berjaya menimbulkan keraguan bahawa tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg P20 yang membolehkan pihak pendakwa bergantung ke atasnya. Jika pembelaan ini gagal pembelaan tertuduh perlu menyangkal anggapan statutori mengenai pemilikan dan pengetahuan. Akhirnya pembelaan juga perlu ditimbangkan bagi menentukan adakah tertuduh telah melakukan perbuatan mengedar dadah berbahaya; sekiranya pembelaan tertuduh yang lain telah gagal. Untuk tujuan itu saya pertimbangkan dahulu pembelaan tertuduh terhadap intipati pemilikan dan pengetahuan mengenai dadah berbahaya tersebut.

[40] Perkara utama pembelaan tertuduh ialah terdapatnya lelaki Afrika bernama Kingsley bersama-sama tertuduh pada hari itu dan beg P20 tersebut telah diletakkan Kingsley ke atas conveyor belt mesin pengimbas tersebut. Terdapat dua isu di sini, pertama adakah watak Kingsley sebenarnya wujud dan kedua adakah Kingsley yang meletakkan beg tersebut di atas conveyor belt.

[41] Peguam bela berhujah fakta sama ada Kingsley ini wujud atau tidak dapat disahkan melalui pengemukaan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di kawasan pemeriksaan tersebut dan juga berdasarkan manifes penumpang di dalam bas yang dinaiki tertuduh. Kingsley dikatakan menaiki bas tersebut bersama-sama tertuduh. Semasa kes pendakwaan saksi-saksi pendakwa mengakui terdapat CCTV dipasang di sekitar kawasan mesin pengimbas tersebut dan video atau imej dari CCTV tersebut mungkin boleh membuktikan perkara ini. Pegawai penyiasat (SP5) mengatakan alat CCTV tersebut tidak dikendalikan oleh Jabatan Kastam walau pun mengakui video tersebut boleh didapati dari pihak yang mengawal CCTV tersebut. Bagaimana pun SP5 tidak mengemukakan apa-apa keterangan sama sekali tentang CCTV ini, sama ada video dari CCTV tersebut wujud dan dia telah cuba mendapatkannya dari pihak yang mengawal CCTV tersebut. Apa yang jelas tidak ada imej atau video dari rakaman CCTV telah dikemukakan dan tidak ada apa-apa keterangan tentang kegagalannya. Mengenai pengambilan salinan video atau imej CCTV ini, jelas terdapat percanggahan di dalam keterangan SP4 dan SP5. SP4 mengatakan dia tidak mengambil atau meminta salinan dari pihak-pihak yang mengendalikan CCTV tersebut. Dia hanya mencadangkan kepada SP5 untuk mendapatkan salinan tersebut. Sebaliknya SP5 semasa memberi keterangan mengatakan dia tidak mendapatkan salinan tersebut dan salinan rakaman telah diambil oleh SP4. Apa yang jelas tidak ada salinan rakaman telah dikemukakan di hadapan saya.

[42] Dalam ketiadaan CCTV yang boleh menyokong atau menafikan dakwaan pembelaan, inferens yang memihak kepada pembelaan boleh dibuat iaitu CCTV ini boleh didapatkan dan boleh menunjukkan Kingsley tersebut wujud dan telah meletakkan beg P20 tersebut ke atas conveyor belt mesin pengimbas tersebut untuk diimbas.

[43] Pembelaan juga merujuk kepada manifes penumpang bas yang dinaiki tertuduh. Berdasarkan manifes tersebut terdapat penumpang berbangsa Afrika. Dengan mempertimbangkan kedua-dua perkara ini saya dapati pembelaan tertuduh sebenarnya telah menimbulkan kemungkinan Kingsley tersebut wujud dan ada bersama tertuduh semasa melalui mesin pengimbas dan Kingsley tersebut telah meletakkan beg P20 di dalam mesin pengimbas dan tertuduh kemudian mengambil beg tersebut.

[44] Perkara ini telah ditimbulkan oleh pembelaan semasa kes pendakwaan melalui pemeriksaan balas ke atas dengan mengemukakan cadangan sedemikian. Saya telah pertimbangkan perkara tersebut pada masa itu. Bagaimana pun adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa apa juga fakta yang diletakkan oleh pembelaan kepada saksi-saksi pendakwaan bukanlah satu fakta yang dibuktikan apabila fakta yang diletakkan tersebut dinafikan; seperti di dalam kes ini. Pada masa itu cerita tertuduh tentang perkara ini belum dikemukakan. Dalam keadaan tersebut cadangan peguam bela melalui pemeriksaan balas tidak dapat menimbulkan keraguan bahawa tertuduh mempunyai pemilikan ke atas beg P20 tersebut kerana terdapat keterangan saksi pendakwaan tentang pengakuan tertuduh mengambil beg tersebut dan membukanya apabila disuruh oleh SP2. Perkara-perkara ini tidak menjadi begitu material semasa kes pendakwaan kerana terdapat saksi-saksi lain yang memberi keterangan tentang pengendalian beg tersebut dan juga berasaskan prinsip bahawa apa-apa fakta yang diletakkan kepada saksi-saksi pendakwa bukanlah fakta yang telah dibuktikan.

[45] Bagaimana pun apabila pembelaan dipanggil, tertuduh telah memberi keterangan mengatakan Kingsley yang telah meletakkan beg P20 tersebut ke dalam mesin pengimbas dan keterangan tertuduh telah diperiksa balas oleh Timbalan Pendakwa Raya. Pada tahap ini fakta ini menjadi material memandangkan pembelaan spesifik tentang perkara tersebut telah ditimbulkan. Perkara yang material ini perlu diberi pertimbangan pada akhir perbicaraan kes ini. Undang-undang juga menghendaki mahkamah menimbangkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan di dalam sesuatu kes sebelum memutuskan sama ada pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes tersebut melampaui keraguan yang munasabah. Apa-apa juga pembelaan yang ditimbulkan mesti ditimbangkan dan pertimbangan tersebut mestilah berdasarkan cerita dari kedua-dua pihak.

[46] Peguam bela juga menimbulkan isu sama ada beg tersebut berkunci atau tidak semasa diimbas. Keterangan SP2 tidak mengatakan dengan jelas beg tersebut berkunci dan kunci telah dibuka oleh tertuduh apabila disuruh oleh SP2. Bagaimana pun semasa pemeriksaan balas ke atas saksi-saksi pendakwa, fakta telah dibuktikan bahawa terdapat mangga kunci disangkut pada beg P20 semasa beg ini dikemukakan di dalam mahkamah. SP2 juga mengakui mangga yang tersangkut pada beg P20 tersebut telah dijumpai kemudian di sekitar kawasan mesin pengimbas tersebut setelah SP4 meminta beliau mencarinya. Saya dapati berdasarkan

keterangan ini terdapat keraguan tentang keadaan beg tersebut sama ada berkunci atau sebaliknya dan di mana sebenarnya dijumpai kunci yang telah diletakkan pada beg P20. Keadaan sama ada beg tersebut berkunci atau tidak dan sama ada kunci beg tersebut dibuka oleh tertuduh atau tidak semasa diminta oleh SP2 boleh menentukan sama ada tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg tersebut. Berdasarkan wujudnya keraguan tentang perkara ini, faedah dari keraguan tersebut perlu diberikan kepada tertuduh.

[47] Saya dapati pembelaan tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan bahawa beg P20 tersebut sebenarnya berada di dalam kawalan dan jagaan tertuduh. Pembelaan yang ditimbulkan telah menimbulkan kemungkinan beg P20 itu sebenarnya di dalam kawalan dan jagaan Kingsley. Dalam keadaan sedemikian anggapan statutori di bawah s. 37(d) mengenai pemilikan dan pengetahuan tertuduh terhadap dadah berbahaya yang terdapat di dalam beg P20 tersebut tidak boleh dipakai kerana pihak pendakwa telah gagal membuktikan fakta yang menjadi syarat sebelum anggapan sebegini dipakai iaitu beg P20 yang mengandungi dadah berbahaya tersebut berada di dalam kawalan dan jagaan tertuduh. Adalah menjadi tugas pihak pendakwa untuk membuktikan beg P20 yang mengandungi dadah berbahaya tersebut berada di dalam kawalan dan jagaan tertuduh sebelum anggapan tersebut boleh dipakai. Perkara ini mestilah dibuktikan oleh pihak pendakwa sepanjang masa perbicaraan.

[48] Tertuduh hanya mempunyai tugas untuk menimbulkan keraguan yang munasabah sahaja terhadap fakta yang menjadi asas pemakaian anggapan statutori. Pembelaan hanya mempunyai tanggungan untuk mengakas atau menyangkal anggapan statutori tersebut di atas imbangan kebarangkalian jika pihak telah berjaya membuktikan melampaui keraguan yang munasabah sehingga ke akhir kes fakta penting yang membolehkan anggapan statutori tersebut dipakai. Di dalam kes sekarang pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan bahawa beg P20 tersebut berada di dalam kawalan dan jagaan tertuduh dan anggapan statutori tidak boleh dipakai.

[49] Oleh kerana anggapan statutori tersebut tidak boleh dipakai maka pihak pendakwa perlu bergantung kepada keterangan secara langsung yang membuktikan tertuduh mempunyai pemilikan dan pengetahuan ke atas dadah berbahaya tersebut. Saya dapati berdasarkan keterangan yang dikemukakan, pihak pendakwa tidak

dapat mengemukakan keterangan secara langsung yang telah membuktikan tertuduh mempunyai pemilikan dan pengetahuan terhadap dadah berbahaya tersebut secara fizikal melampaui keraguan yang munasabah.

[50] Jika pun saya khilaf tentang perkara ini, iaitu anggapan statutori tersebut terpakai dan tertuduh perlu menyangkal anggapan tersebut; saya dapati keterangan pembelaan telah berjaya menyangkal anggapan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas dadah berbahaya tersebut kerana pembelaan telah berjaya menunjukkan Kingsley wujud dan beg P20 tersebut kepunyaannya. Perbuatan tertuduh mengambil beg tersebut dan seterusnya membuka beg tersebut apabila disuruh oleh SP2 tidak menunjukkan tertuduh tahu di dalam beg tersebut terdapat dadah berbahaya jenis methamphetamine.

[51] Pembelaan juga telah menimbulkan keraguan terhadap satu lagi intipati penting iaitu tertuduh sedang membawa dadah berbahaya tersebut pada masa dia ditahan kerana di dalam keadaan wujud keraguan sama ada beg tersebut di dalam kawalan dan jagaan tertuduh atau di dalam kawalan dan jagaan Kingsley. Jika pun keterangan bahawa tertuduh telah mengambil beg tersebut selepas diimbas boleh diterima, keterangan ini tidak mencukupi untuk mengatakan tertuduh sebenarnya sedang membawa dadah berbahaya yang berada di dalam beg tersebut.

[52] Dalam kes ini selepas menimbangkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan saya dapati pihak pendakwa tidak dapat membuktikan semua intipati pertuduhan terhadap tertuduh melampaui keraguan yang munasabah kerana terdapat keraguan sama ada beg tersebut sebenarnya berada dalam kawalan tertuduh dan juga tertuduh tahu tentang dadah berbahaya yang terdapat di dalam beg tersebut. Dalam keadaan tersebut tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.